

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

SOALAN

YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai setiap usul-usul bukan Kerajaan yang dibenarkan dibentangkan dan digulung di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari tahun 1959 hingga 2020.

JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat berkenaan usul-usul bukan Kerajaan yang dibenarkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara boleh didapati di dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Penyata Rasmi di laman web Parlimen iaitu di www.parlimen.gov.my serta boleh dirujuk di dalam simpanan Perpustakaan Parlimen Malaysia.

Sekian, terima kasih.